



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM KASIH KOMUNITI DAN
ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL@SIBU**

**12 JANUARI 2025 | AHAD | 12.00 TENGAH HARI
DEWAN KOMUNITI SIBU JAYA, SIBU**

Kemas kini 11 Januari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita dapat berkumpul untuk Majlis Penutup Program Kasih Komuniti dan Advokasi Antigangguan Seksual@Sibu ini. Tahniah kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) serta agensi-agensi lain yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan program pada hari ini.

(A) AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 [AKTA 840]

Puan-puan dan tuan-tuan,

2. **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]** adalah langkah proaktif KPWKM untuk menangani gangguan seksual secara sistematik. **Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS)**, beroperasi sejak 8 Mac 2024, dan telah menjadi saluran mudah dan kos rendah bagi mangsa menuntut keadilan.

3. Bermula tahun 2023 dan sehingga kini, KPWKM telah melaksanakan lebih dari 100 program advokasi antigangguan seksual termasuk Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual ke seluruh negara dan kolaborasi bersama-sama dengan pelbagai pihak merangkumi sektor Kerajaan, swasta dan NGO.
4. **Seperti yang saya sebutkan tadi, tribunal kita**, atau lebih dikenali sebagai **TAGS**, adalah alternatif kos rendah dan cepat untuk mengendalikan aduan gangguan seksual.

Tribunal ini memberi peluang kepada mangsa untuk mengambil tindakan terhadap pelaku bagi mendapatkan hak tebus rugi atas kehilangan atau apa-apa kerosakan yang ditanggung oleh mangsa akibat daripada gangguan seksual yang dialami. Pada 2024, **28 aduan difailkan**, dengan **10 selesai dalam tempoh ditetapkan**, memberi mangsa peluang menuntut tebus rugi atas kerugian akibat gangguan.

5. Gangguan seksual ialah perlakuan yang bersifat subjektif, boleh berlaku di mana-mana dan kepada sesiapa sahaja tidak kira jantina, bangsa, agama dan faktor lain. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk semua golongan masyarakat sedar bahawa gangguan seksual merupakan suatu perlakuan yang bersifat seksual dan mendatangkan perasaan tidak selesa, takut atau terancam kepada mangsa dengan tingkah laku pelaku.

6. Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan 506 kes gangguan seksual pada tahun 2021 dan sedikit penurunan pada tahun 2022, iaitu kepada 488 kes. Pada tahun 2023, kes meningkat semula kepada 529 kes. Jumlah kes yang dilaporkan ini melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita. Bagi tahun 2024, sehingga bulan **Oktober 2024, sebanyak 666 kes telah dilaporkan.**
7. Diharapkan sesi yang dilaksanakan pada pagi ini, dapat membantu KPWKM menyebarkan luas advokasi berkaitan dengan gangguan seksual yang bertujuan untuk mencegah dan

meningkatkan kesadaran masyarakat tentang isu ini. Jika isu ini tidak dibendung dari peringkat awal, gangguan seksual boleh menjadi antara punca kepada masalah yang lebih serius, termasuklah keganasan terhadap wanita, yang memberi impak negatif kepada kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhannya.

(B) KEGANASAN TERHADAP WANITA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Keganasan terhadap wanita adalah isu sejagat yang membawa penderitaan mendalam kepada mangsa, termasuk trauma fizikal, sosial, ekonomi, seksual, dan psikologi yang berpanjangan.

9. Kebanyakan kes keganasan terhadap wanita sering berlaku dalam persekitaran yang paling dekat dengan mangsa, dilakukan oleh individu seperti pasangan, bekas pasangan, atau ahli keluarga terdekat. Malangnya, ramai mangsa tidak melaporkan kes ini kerana rasa takut, perdayaan mental (gaslighting), atau kekurangan maklumat mengenai cara mendapatkan bantuan.

10. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), **kes keganasan rumah tangga sehingga 30 September 2024** di seluruh negara adalah sebanyak **5,453 kes**, manakala **jumlah kes pada tahun 2023 adalah** sebanyak **5,507 kes**, dengan sedikit penurunan kes berbanding tahun 2022, iaitu sebanyak 6,540 kes telah dilaporkan. Bagi tahun 2024, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan sehingga 30 September 2024 di Negeri Sarawak adalah sebanyak 431 kes.

11. Berdasarkan data tahun 2020 hingga tahun 2024, tujuh (7) hingga lapan (8) daripada 10 mangsa keganasan rumah tangga ialah wanita dengan majoritinya, dalam kalangan yang tidak bekerja, suri rumah atau penganggur.

12. Tanggungjawab untuk membanteras keganasan terhadap wanita terletak pada kita semua—kerajaan, komuniti, dan individu. Kerjasama yang kuat antara pihak berkepentingan diperlukan untuk membina persekitaran yang selamat dan harmoni. Dengan meningkatkan kesedaran dan bertindak secara kolektif, kita dapat memutuskan rantai keganasan ini dan memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

(C) PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS)

Hadirin sekalian,

13. Sebagai sokongan kepada mereka yang memerlukan, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS telah ditubuhkan di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN). PSSS ialah pusat rujukan khusus disediakan kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU untuk mendapatkan perkhidmatan sosial yang holistik di satu tempat

dan menekankan kepada pendekatan *whole of society* dan *whole of government*.

14. Inisiatif YKN melalui PSSS ini menawarkan perkhidmatan psikososial kepada masyarakat sebagai tempat rujukan setempat untuk mengemukakan aduan, dan mendapatkan maklumat atau sokongan. PSSS memudahkan akses secara terus kepada pelbagai jenis perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM dan rakan strategik PSSS/YKNM melalui aplikasi

MyPSSS. Selain itu, perkhidmatan kaunseling secara bersemuka turut disediakan untuk mereka yang memerlukan sokongan.

15. Dengan kewujudan PSSS ini, diharapkan dapat memberikan sokongan sosial terus kepada masyarakat khususnya kumpulan sasar KPWKM. Melalui PSSS, masyarakat akan lebih peka terhadap hak mereka dan lebih mudah untuk mendapatkan bantuan, seterusnya membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

16. Kerajaan dan komuniti perlu berganding bahu untuk menyediakan sumber yang mencukupi, membentuk jaringan sokongan yang kuat, dan memastikan perkhidmatan mudah diakses oleh semua pihak.

17. Saya berharap, program yang dianjurkan melalui kerjasama erat daripada semua pihak ini, dapat memberikan banyak manfaat dan impak yang mendalam kepada komuniti serta mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan kondusif.
18. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik, peserta, dan panel yang telah menjayakan program ini.

19. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan penutup **PROGRAM KASIH KOMUNITI DAN ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL@SIBU.**

Sekian.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
12 JANUARI 2025